

Penghulu dan imam diugut

KUALA LUMPUR: Pegawai, penghulu dan imam di sebuah negeri di Semenanjung yang parti lawan dikatakan amat berpengaruh, diugut kerana tidak menyokong pihak pembangkang.

Sewaktu mendedahkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata parti itu juga menggunakan pihak tertentu untuk mempengaruhi pegawai Persekutuan dan pensyarah universiti sehingga mereka berasa serba salah dan tidak berani menjalankan tugas.

"Mereka tidak berani dilihat bersama-sama Menteri Kerajaan Persekutuan atau anggota kerajaan negeri. Jika mereka dilihat mendekati kerajaan atau parti kerajaan, tindakan diambil terhadap mereka melalui saluran tertentu," katanya sewaktu merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan ke-19, di sini, semalam.

Perdana Menteri dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) serta perwakilan bertafakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Tun Hussein Onn.

Beliau berkata, jika parti pembangkang berjaya mengambil alih pemerintahan negeri berkenaan, ramai pegawai akan men-

derita, termasuk pegawai yang menyokong mereka berikutan fitnah yang dilemparkan oleh penyokong berkepentingan dalam parti itu.

Katanya, pemerintahan seumpama itu ternyata berat sebelah dan boleh merosakkan sistem pentadbiran negara kerana kebebasan pegawai dinafikan.

"Urusan kenaikan pangkat dan gaji akan ditentukan oleh sistem pilih kasih, dan kunci-kunci orang tertentu saja yang akan berkuasa menentukan nasib pegawai," katanya.

• Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri bagaimanapun enggan memberitahu negeri yang dimaksudkannya dan parti pembangkang terbabit.

Menurutnya, tindakan pihak pembangkang itu, sedikit sebanyak menjejaskan pentadbiran negeri dan jika dibiarkan, boleh meninggalkan kesan yang amat buruk.

"Kita takut jika kumpulan itu diberi kuasa memerintah, rakyat akan menderita kerana belum pun memerintah, mereka sudah bertindak begitu," katanya.

Apabila ditanya sama ada peluang BN

akan turut terjejas dalam pilihanraya umum akan datang berikutan tindakan parti pembangkang itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Terpulanglah kepada rakyat sama ada mereka mahu kerajaan jenis itu atau tidak. Kita sekadar mengingatkan rakyat mengenai perbuatan parti berkenaan."

Mengenai cadangan Gerakan supaya dihapuskan sistem kuota yang berasaskan kaum dalam pengagihan kekayaan negara, Perdana Menteri berkata, memang menjadi matlamat kerajaan untuk menghentikan sistem itu.

Bagaimanapun, katanya, sebelum sistem itu dapat dihapuskan, kerajaan perlu membantu golongan yang lemah terlebih dulu supaya mereka tidak berterusan dikuasai oleh golongan yang kuat dan kaya.

"Selepas kita betul-betul yakin tidak ada diskriminasi terhadap peluang dan hak rakyat, barulah sistem kuota itu boleh dihapuskan," tegasnya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri mengalu-alukan tindakan Presiden F W De Klerk menamatkan darurat di tiga wilayah Afrika Selatan, "tetapi ia belum cukup untuk menghentikan dasar Apartaid."